

Mahathir yakin Malaysia maju lebih awal

M
oleh 12 OCT 1993
AZIZ ISHAK

JOHOR BAHRU 11 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin Malaysia akan muncul sebagai negara maju lebih awal dari tahun 2020 jika semua golongan rakyat menanamkan kesedaran kuat bagi mencapai matlamat tersebut.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat telah mengatur strategi yang berkesan bagi tujuan itu, cuma yang penting ialah

penyertaan rakyat secara keseluruhannya.

Begitu juga, katanya, dengan peranan dan tindakan susulan yang sedang digerakkan oleh kerajaan-kerajaan negeri Barisan Nasional (BN) bagi merealisasikan matlamat tersebut.

Malah, kata beliau, ada negeri seperti Johor dijangka mencapai tahap negeri maju lebih awal iaitu antara tahun 2010 dan 2015.

Dr. Mahathir yakin, melalui kerjasama dari kera-

jaan-kerajaan negeri BN dan bantuan Kerajaan Pusat kepada negeri-negeri itu, matlamat Wawasan 2020 dapat dicapai.

Serentak dengan itu kata beliau, hanya dengan kesedaran untuk mencapai matlamat itu, rakyat termasuk di luar bandar boleh mengubah masa depan negara ini dan sekaligus menikmati taraf hidup yang jauh lebih baik.

Menurut beliau, cita-cita untuk menjadikan Malaysia negara maju bu-

kan mustahil, malah terbukti negara telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam banyak perkara sehingga mendapat pengiktirafan antarabangsa.

"Banyak yang dulu kita tak terfikir boleh buat, kini telah kita buat. Apa yang perlu ialah kesedaran daripada keseluruhan rakyat untuk menjayakan Wawasan 2020," tegasnya.

Dr. Mahathir menyatakan demikian semasa berucap di hadapan kira-kira 3,000 orang pada majlis

■ Lihat muka 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Mahathir yakin Malaysia maju lebih awal

U.M. 12 OCT 1993

perasmian Penghayatan Wawasan 2020 di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Johor Bahru (MPJB) di sini hari ini.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir menggariskan usaha-usaha yang perlu dimainkan oleh golongan dewasa dan muda-mudi bagi menjayakan Wawasan 2020.

Katanya, generasi hari ini, walaupun tidak akan berkesempatan menikmati hasil dari Wawasan 2020, hendaklah memastikannya usaha yang dimulakan sekarang menjamin kebahagiaan hidup generasi akan datang.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa Wawasan 2020 juga merupakan sasaran matlamat yang disediakan untuk generasi akan datang.

Oleh itu, katanya, menjadi tanggungjawab golongan dewasa untuk menanamkan kesedaran di kalangan anak-anak sejak di bangku sekolah lagi supaya berupaya mengisi Wawasan 2020.

"Kita mahu anak-anak kita sedar tanggungjawab mereka untuk masa depan tanahair. Mereka hendaklah isi diri mereka dengan ilmu, kemahiran dan elakkan gejala negatif," jelas beliau.

Golongan muda-mudi pula, kata Dr. Mahathir, harus meletakkan keutamaan untuk maju dan menolak sebarang unsur negatif kerana mereka akan mewarisi kepimpinan generasi sekarang.

Dalam hubungan ini, semua kaum perlu memaikan peranan kerana tiada mana-mana pihak atau kaum yang akan tertinggal untuk mencapai Wawasan 2020.

"Tak guna Wawasan 2020, jika orang Melayu misalnya tertinggal di belakang sebagaimana dulu," katanya sambil menegaskan bahawa semua kaum mesti maju bersama menerusi wawasan itu.

Perdana Menteri seterusnya berkata, antara faktor utama mengapa

Malaysia mesti mencapai matlamat Wawasan 2020 adalah untuk mengelakkan negara ini dari dijajah secara tidak langsung oleh negara maju.

Menurut Dr. Mahathir, jika Malaysia gagal mencapai tahap negara maju bererti negara ini akan jauh ketinggalan kerana negara maju akan terus maju ke hadapan.

"Apabila kita ketinggalan di belakang, kita akan menghadapi kemunduran dan akan dijajah secara tidak langsung dengan pelbagai cara.

"Ini kerana kita terikat dengan bantuan dan pinjaman dari negara-negara maju yang kemudian mahukan kita mengikut telunjuk mereka sedangkan kita negara bermaruah dan merdeka," katanya.

Bagaimanapun, ujar Dr. Mahathir, Malaysia bernasib baik kerana tidak mengikut telunjuk negara maju disebabkan kemampuan mentadbir negara dan ekonomi dengan baik.

Katanya, pencapaian baik ekonomi negara ini di sebalik kemelesetan ekonomi dunia menunjukkan bahawa Malaysia berpotensi besar untuk maju di samping tidak bergantung kepada bantuan Barat.

"Kita mesti mempertahankan maruah sebagai negara merdeka. Sebab itu, Malaysia mesti menjadi negara maju dalam masa 27 tahun lagi," katanya.

Bagaimanapun beliau menegaskan, Malaysia tidak akan mengikut takrifan dan amalan negara maju yang menyaksikan keruntuhan moral dan ekonomi mereka.

"Malah mereka tidak mampu bersaing walaupun dulu berkeupayaan berbuat demikian. Negara maju juga menghadapi keruntuhan akhlak dan institusi kekeluargaan yang teruk. Apa gunanya kita menjadi maju mengikut cara mereka," tanya beliau.